PERMOHONAN PENDAHULUAN DIRI/PELBAGAI

- 1. Permohonan pendahuluan diri/pelbagai hendaklah selewat-lewatnya 3 hari bekerja sebelum tarikh program. Jika permohonan pendahuluan tersebut dihantar lewat, Jabatan Perbendaharaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan pembayaran pendahuluan diri tersebut.
- 2. Pendahuluan diri dibenarkan bagi tujuan menghadiri seminar, kursus atau lawatan dan membiayai keperluan program yang keperluannya berbentuk tunai sahaja. Bagi pembelian barangan hendaklah menggunakan Pesanan Tempatan. Jika perbelanjaan bagi penginapan hotel yang tidak menerima pesanan tempatan dibenarkan memohon pendahuluan diri tetapi hendaklah mengemukakan surat bertulis dari hotel tersebut menyatakan tidak menerima pesanan tempatan tersebut.
- 3. Jabatan hendaklah menyertakan kelulusan program dari Datuk Bandar /Setiausaha, dokumen sokongan program (surat berkaitan program, senarai nama yg terlibat), anggaran perbelanjaan program secara terperinci beserta jumlah RM dan syarat kelayakan dipatuhi (bagi pendahuluan diri perjalanan) semasa mengemukakan permohonan.
- 4. Bagi perbelanjaan kecemasan/luar jangka, ianya adalah hanya untuk kecemasan bagi kenderaan bas sahaja dibenarkan. Jika tiada berlaku kerosakan bas, Jabatan dikehendaki mengembalikan semula wang kecemasan tersebut. Jabatan dilarang membelanjakan wang kecemasan tersebut untuk perbelanjaan lain.
- 5. Bayaran secara EFT akan dibayar kepada pemohon permohonan pendahuluan diri.
- 6. Jabatan hendaklah menyatakan vot perbelanjaan pada borang permohonan pendahuluan diri. Jabatan Perbendaharaan akan memulangkan semula permohonan kepada Jabatan pemohon jika permohonan tiada vot perbelanjaan.
- 7. Pegawai yang memohon dan meluluskan pendahuluan adalah bertanggungjawab bersama mengemukakan penyata penyelesaian sebenar pendahuluan diri ke Jabatan Perbendaharaan tidak lewat daripada dua(2) minggu daripada tarikh tamat perjalanan/acara.
- 8. Tuntutan baki 10% Pendahuluan diri bagi perjalanan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perbendaharaan tidak lewat daripada 10hb pada bulan berikutnya.
- 9. Sekiranya perjalanan/program tersebut dibatalkan/ditunda melebihi dua (2) minggu daripada tarikh asalnya, wang pendahuluan itu hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Perbendaharaan dengan kadar segera.